

## **0% Instalment Payment Plan (0% IPP)**

### **Terms and Conditions**

1. All eligible AEON Credit Cardholders are entitled to participate in the 0% Instalment Payment Plan (0% IPP).
2. The application of the 0% IPP is subject to AEON Credit's approval. AEON Credit reserves the right to approve or reject applications without giving reasons thereof.
3. The 0% IPP is applicable for retail transactions made in a single receipt only and the Cardholder shall select goods from AEON Credit's participating Merchants only.
4. The Cardholder may choose the tenure of the instalment plan as mutually agreed between the participating Merchants and AEON Credit, or any other instalment tenure as may be otherwise determined by AEON Credit, depending on the total Purchase Amount and subject to the Cardholder's available credit limit at the point of application of the 0% IPP.
5. The full instalment plan amount will be blocked immediately upon the approval of 0% IPP application by AEON Credit, and will be debited to Cardholder's Credit Card Account with the instalment payable on a monthly basis, for duration as stipulated as above in Clause 4. Cardholder's available credit limit will be provisionally reduced by earmarking an amount, equivalent to the Purchase Amount which will not be available to Cardholder, but will be progressively and / or gradually restored on a monthly basis as repayment of each instalment amount is made by the Cardholder.
6. Cardholder has to make full payment of the monthly instalment on the payment due date. In the event the Cardholder fails or pays an amount lesser than the monthly instalment amount on the payment due date, the prevailing finance charge (as per table below) and late payment charge, shall be levied on the remaining balance instalment unpaid on the due date until the instalment is settled in full.

<b>Category</b>	<b>Cardholder Categorization</b>	<b>Finance Charge (%)</b>
<b>Tier 1</b>	Cardholders who promptly settle the minimum payment due over 12 consecutive months.	15.0 % per annum
<b>Tier 2</b>	Cardholders who promptly settle the minimum amount due for 10 months or more in a 12-month cycle.	17.0 % per annum
<b>Tier 3</b>	Cardholders who DO NOT fall within Tier 1 & Tier 2 Category.	18.0 % per annum

7. For the avoidance of doubt, the products and / or services offered herein are supplied by AEON Credit's participating Merchant and AEON Credit is only providing means of payment for these goods and / or services via the usage of the AEON Credit Card by the Cardholder.
8. AEON Credit will not be responsible for any loss or damage arising from late or non-delivery of the goods and / or services by AEON Credit's participating Merchants.
9. Any return of goods and / or cancellation of services by Cardholder to the Merchant shall be subjected to the terms for return of goods stipulated by AEON Credit's participating Merchants.
10. AEON Credit will not be liable for any inadequate, defective or damaged goods or be responsible for any dispute between the Cardholder and AEON's participating Merchants and AEON Credit is authorized to continue to debit the instalment to the Cardholder's account regardless of any such dispute.

11. AEON Credit at its sole discretion or in the event of any of the following occurrences will demand the Cardholder to settle the full outstanding amount due or the total sum of the remaining instalment balances under the 0% IPP:
  - (a) Cardholder defaults in payment of any amount due;
  - (b) breaches any Terms and Conditions herein and / or Credit Card Terms and Conditions
  - (c) Cardholder is deceased / bankrupt;
  - (d) Credit Card Account or 0% IPP facility is terminated by the Cardholder;
  - (e) Credit Card Account is terminated by AEON Credit for any reason whatsoever.
12. An early settlement fee of RM30 will be charged in the event Cardholder terminates the particular transaction before the maturity of the instalment tenure. The total outstanding amount due and payable by the Cardholder in relation to the relevant purchase amount will be debited to the Cardholder's Credit Card Account, and reflected as a charge in the Statement, and be payable by the Cardholder in accordance with Credit Card Terms and Conditions.
13. Cardholder's signature on the 0% IPP for online transaction or 0% IPP Direct Debit Authorisation ("DDA") Form for manual transaction serves as acceptance by the Cardholder of the participating Merchant's terms and conditions of sale, the conditions herein, and AEON Credit's VISA / MasterCard Agreement.
14. These conditions are not in derogation but in addition to AEON Credit's VISA / MasterCard Agreement, which regulates the provision of credit card facility by AEON Credit to the Cardholder. In the event of inconsistency between these Conditions and said Agreement, these Terms and Conditions shall prevail to the extent of its application to the 0% IPP.
15. The applicable taxes shall be payable by the Cardholder (if any).

*English Version – July 2020*

## **Pelan Pembayaran Ansuran 0% (PPA 0%)**

### **Terma dan Syarat**

1. Semua Pemegang Kad Kredit AEON yang layak adalah berhak untuk menyertai Pelan Pembayaran Ansuran 0% (PPA 0%).
2. Permohonan PPA 0% adalah tertakluk kepada kelulusan AEON Credit. AEON Credit berhak untuk meluluskan atau menolak permohonan tanpa memberi alasan.
3. PPA 0% adalah digunakan untuk transaksi runcit yang dibuat dalam satu resit sahaja dan Pemegang Kad hendaklah memilih barang daripada rakan niaga AEON Credit yang mengambil bahagian sahaja.
4. Pemegang Kad boleh memilih tempoh pelan ansuran seperti yang dipersetujui antara rakan niaga terpilih dan AEON Credit, atau apa-apa tempoh ansuran lain seperti yang akan ditentukan oleh AEON Credit, bergantung pada jumlah Amaun Pembelian dan tertakluk kepada kredit sedia ada Pemegang Kad pada masa permohonan PPA 0%.
5. Amaun ansuran penuh pelan akan disekat serta-merta selepas kelulusan permohonan PPA 0% oleh AEON Credit, dan akan didebitkan ke Akaun Kad Kredit Pemegang Kad dengan ansuran yang perlu dibayar secara bulanan, bagi tempoh sebagaimana yang ditetapkan seperti diatas, pada Klausus 4. Had kredit tersedia Pemegang Kad akan dikurangkan sementara dengan peruntukan satu jumlah, setara dengan Amaun Pembelian itu yang tidak akan disediakan kepada Pemegang Kad, tetapi akan secara progresif dan / atau beransur-ansur dipulihkan pada asas bulanan sebagai pembayaran balik jumlah setiap ansuran yang dibuat oleh Pemegang Kad.
6. Pemegang Kad hendaklah membuat bayaran penuh daripada bayaran ansuran bulanan pada tarikh akhir pembayaran. Sekiranya Pemegang Kad tidak membuat bayaran atau membayar amaun yang kurang daripada amaun ansuran bulanan pada tarikh pembayaran, caj kewangan pada kadar semasa (seperti jadual di bawah) dan caj pembayaran lewat, akan dikenakan pada baki ansuran yang tidak dijelaskan pada tarikh pembayaran sehingga ansuran dijelaskan dengan sepenuhnya.

Kategori	Kategori Pemegang Kad	Caj Kewangan (%)
<b>Peringkat 1</b>	Pemegang Kad yang membayar amaun minimum tepat pada masa bagi 12 bulan berturut-turut.	15.0 % setahun
<b>Peringkat 2</b>	Pemegang Kad yang membayar amaun minimum tepat pada masa bagi tempoh 10 bulan atau lebih secara berturut-turut dalam kitaran 12 bulan.	17.0 % setahun
<b>Peringkat 3</b>	Pemegang Kad yang TIDAK tergolong dalam kategori Peringkat 1 & Peringkat 2.	18.0 % setahun

7. Bagi mengelakkan keraguan, produk dan / atau perkhidmatan yang ditawarkan di sini akan dibekalkan oleh rakan niaga AEON Credit yang mengambil bahagian dan AEON Credit hanya menyediakan cara pembayaran bagi barang-barang dan / atau perkhidmatan melalui penggunaan Kad Kredit AEON oleh Pemegang Kad.
8. AEON Credit tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan atau kerosakan yang timbul daripada kelewatan atau barang yang tidak diantar dan / atau perkhidmatan oleh rakan niaga AEON Credit yang mengambil bahagian.
9. Sebarang pemulangan barang dan / atau pembatalan perkhidmatan yang dibuat oleh Pemegang Kad kepada Peniaga hendaklah tertakluk kepada terma pemulangan barang yang ditetapkan oleh rakan niaga AEON Credit yang mengambil bahagian.

10. AEON Credit tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kekurangan atau kerosakan keatas barang atau bertanggungjawab keatas sebarang pertikaian di antara Pemegang Kad dan rakan niaga AEON Credit yang mengambil bahagian dan AEON Credit dibenarkan untuk terus mendebitkan ansuran ke akaun Pemegang Kad tanpa mengira apa-apa pertikaian itu.
11. AEON Credit mengikut budi bicara mutlaknya atau sekiranya berlaku mana-mana kejadian yang berikut, akan menuntut Pemegang Kad untuk menyelesaikan jumlah amaun penuh tertunggak atau jumlah baki wang ansuran selebihnya; dibawah PPA 0%:
  - a. Jika Pemegang Kad mungkir dalam pembayaran sebarang amaun yang perlu dibayar;
  - b. Melanggar apa-apa Terma dan Syarat yang terkandung di sini dan / atau Terma dan Syarat Kad Kredit;
  - c. Pemegang Kad Meninggal dunia / muflis;
  - d. Akaun Kad Kredit atau transaksi tertentu ditamatkan oleh Pemegang Kad;
  - e. Akaun Kad Kredit ditamatkan oleh AEON Credit atas apa jua sebab.
12. Yuran penyelesaian awal sebanyak RM30 akan dikenakan sekiranya Pemegang Kad menamatkan transaksi tertentu sebelum kematangan tempoh ansuran. Jumlah tertunggak dan perlu dibayar oleh Pemegang Kad berhubung dengan jumlah pembelian berkaitan akan didebitkan ke Akaun Kad Kredit Pemegang Kad, dan ditunjukkan sebagai caj dalam Penyata, dan perlu dibayar oleh Pemegang Kad selaras dengan Terma dan Syarat Kad Kredit
13. Tandatangan Pemegang Kad pada Slip Jualan PPA 0% untuk transaksi dalam talian atau Borang Kebenaran Debit Terus PPA 0% ("DDA") untuk transaksi manual berfungsi sebagai tanda penerimaan terma-terma dan syarat-syarat Peniaga yang menyertai jualan, syarat-syarat di sini, dan Perjanjian VISA / MasterCard AEON Credit oleh Pemegang Kad.
14. Syarat-syarat ini tidak mengurangkan tetapi penambahan Perjanjian AEON Credit VISA / MasterCard, yang mengawal peruntukan kemudahan kad kredit oleh AEON Credit kepada Pemegang Kad. Sekiranya terdapat percanggahan antara syarat-syarat ini dan Perjanjian tersebut, Terma dan Syarat ini hendaklah mengatasi setakat penggunaannya untuk PPA 0%.
15. Sebarang Cukai yang dikenakan hendaklah dibayar oleh Pemegang Kad.

*Versi Bahasa Malaysia – July 2020*